

PEMBINAAN ASRAMA BAHARU UMK KAMPUS BACHOK DIJANGKA SIAP SEPTEMBER 2012



PEMBINAAN asrama baharu bagi kediaman pelajar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok yang boleh menempatkan 800 pelajar dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan untuk menampung pelajar bagi sesi pengajian 2012/2013.

Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, pembinaan asrama itu telah dimulakan dan dijangka siap sepenuhnya pada September tahun ini bagi menempatkan sebahagian pelajar dengan kemudahan dan fasiliti baharu.

Beliau berharap, pembinaan bangunan asrama baharu ini dapat mengatasi kemelut penempatan sementara pelajar di asrama lelaki dan perempuan di Kolej Kediaman Taman Bator Harmoni, Seneng, Bachok, selepas dipindahkan ke bangunan asrama baru yang lebih selamat dan selesa.

"Di dalam sesi bertemu pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) baru-baru ini, saya mendapat makluman bahawa pelajar menghadapi pelbagai masalah di kediaman yang ada sekarang, dengan adanya asrama baharu ini, adalah diharapkan semua masalah yang ada akan dapat diselesaikan," katanya ketika lawatan bagi meninjau tapak projek pembinaan bangunan asrama baharu dan Agro Park di UMK Kampus Bachok, semalam.



Sementara itu, Prof. Dr. Raduan berkata, pembangunan projek Taman Agro-Pelancongan fasa satu akan dimulakan tidak lama lagi. Ianya bagi merealisasikan impian menjadikan UMK Kampus Bachok sebagai Universiti Dalam Taman.

Jelasnya, pihak Universiti akan membangunkan kawasan kampus yang membabitkan keluasan 90 hektar untuk fasa pertama projek Agro Park termasuk pusat ternakan rusa dan burung unta atau ostrich.

"Fasa pertama projek itu akan dimulakan pembinaannya dalam masa yang terdekat dan dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan dan pastinya Universiti akan mempunyai tarikan terbaru apabila Taman Agro Park ini dibuka kepada orang ramai tidak lama lagi," ujarnya.

Beliau berkata, pada masa sama projek itu akan turut berfungsi sebagai sebuah tapak pembelajaran keusahawanan dan inkubator pertanian bagi mahasiswa UMK menimba pengalaman menguruskan sebuah taman agro berskala besar.

"Pembangunan projek Taman Agro ini akan mengambil konsep sama seperti di Thailand, Australia dan Indonesia serta bakal menjadi lokasi yang wajib dilawati setiap pelancong apabila melawat ke negeri Kelantan," katanya.



Bilangan Pelawat :
297607

[Penafian](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Soalan Lazim](#)

[Hubungi Kami](#)

[Bantuan](#)

[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.